

# Muhyiddin, Jemaah Menteri letak jawatan [METROTV]

Salpul Adli Mohamad; Suraya Roslan dan Yusmizal Dolah Aling  
am@hmetro.com.my



Kuala Lumpur: Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan peletakan jawatan sebagai Perdana Menteri, hari ini.

Pengumuman itu dibuat selepas beliau menghadap Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di Istana Negara, hari ini, berhubung kedudukannya sebagai ketua kerajaan.

Dalam Perutusan Khasnya, Muhyiddin berkata, beliau menghadap Al-Sultan Abdullah pada 12.30 tengah hari di Istana negara.

Belia berkata, dalam sesi menghadap itu, beliau menyerahkan warkah peletakan jawatan sebagai Perdana Menteri dan seluruh Jemaah Menteri mengikut Perkara 43 (4) Perlembagaan Persekutuan disebabkan kehilangan kepercayaan majoriti Ahli Dewan Rakyat.

"Ini bermakna, saya dan seluruh Jemaah Menteri meletak jawatan. Walaupun saya pada awalnya mencadangkan keabsahan saya sebagai PM ditentu di Parlimen, namun 15 Ahli Parlimen Umno menarik sokongan kepada saya dan cadangan kerjasama rentas parti ditolak pembangkang.



Muhyiddin ketika menyampaikan Perutusan Khas peletakan jawatan sebagai Perdana Menteri hari ini. Foto Ihsan RTM

"Jelas, saya kehilangan majoriti dan tidak perlu lagi keabsahan saya ditentukan di Parlimen. Maka hari ini, saya meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri dan seluruh Jemaah Menteri sebagaimana perkara 43 (4) Perlembagaan Pedrsekutuan," katanya.

Muhyiddin sebelum itu mempengerusikan Mesyuarat Khas Kabinet di Putrajaya.

Beliau kemudian bergerak ke Istana Negara dengan menaiki kenderaan rasminya dan tiba pada 12.23 tengah hari, sebelum meninggalkan Istana Negara pada 1 tengah hari.

Muhyiddin yang juga Presiden Bersatu mengangkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri kelapan di hadapan Al-Sultan Abdullah pada 1 Mac 2020.

Disiarkan pada: Ogos 16, 2021 @ 3:16pm

← Ads by Google

Stop seeing this ad

Why this ad? Ⓞ

meningkat



Tuag arak dalam mulut jerung



Mesej tidak berjawab, rupanya suami sudah meninggal



Wanita tetap ambil berat soal rakyat



Jurugan menunggu telur penyu 'diselamatkan'



Kes penipuan meningkat, bابتkan kerugian RM18 juta di Kedah



Lebih 28 juta dos vaksin Covid-19 diberikan setakat semalam



Jabatan Peguam siar warta Muhyiddin sebagai PM sementara



Maut ditembak rakan berburu

TMGM TRADE THE WORLD

GOLD IS ON